



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2544
Faks : 603-8889 5601
E-mail : hasar@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA
DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA

Bagi Minggu 16/2011 (17 hingga 23 April 2011)

Sepanjang minggu ke-16 tahun 2011 iaitu bagi tempoh 17 hingga 23 April, sejumlah 396 kes Demam Denggi dengan dua (2) kematian telah dilaporkan berbanding dengan 398 kes dengan tiada kematian pada minggu sebelumnya. Walaupun kes tidak banyak berubah, sebenarnya terdapat 6 buah negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu lepas iaitu P.Pinang yang meningkat sebanyak 11 kes (26%), Kelantan 7 kes (88%), Kedah 3 kes (43%), Sabah 3 kes (38%), Sarawak 3 kes (25%) dan Perlis meningkat sebanyak 2 kes (200%) (Lampiran A). Negeri-negeri yang telah menunjukkan peningkatan kes sejak 2 minggu yang lepas adalah Kedah, P.Pinang, Sabah dan Sarawak.

Jumlah terkumpul kes bagi tahun 2011 adalah berjumlah 6,646 dengan 11 kematian, berbanding dengan 15,665 kes dan 54 kematian bagi tempoh yang sama tahun lepas. Walaupun kes dan kematian Denggi bagi tahun 2011 adalah rendah, kenaikan kes telah berlaku di negeri Pulau Pinang pada tahun ini. Manakala peningkatan kematian berlaku di negeri Johor dan Terengganu.

Pada minggu lepas, terdapat dua kematian Demam Denggi dilaporkan, iaitu dari Kelantan dan Perak. Kes melibatkan seorang

lelaki berusia 58 tahun yang bekerja sebagai jurueletrik dan seorang surirumah berusia 42 tahun, sebab kematian bagi kedua-dua kes ini adalah *Dengue Shock Syndrome*. Risiko jangkitan Denggi bagi kedua-dua kes kematian ini berlaku di kawasan kediaman mereka kerana mempunyai kadar pembiakan Aedes yang sangat tinggi iaitu melebihi 7%. Tindakan kawalan iaitu semburan kabus telah dijalankan di kawasan kediaman pesakit bagi memastikan tiada lagi kes jangkitan Demam Denggi di kawasan ini.

Sehingga minggu ke-16, sejumlah 101 lokaliti wabak dilaporkan di seluruh negara berbanding dengan 96 lokaliti pada minggu sebelumnya, iaitu peningkatan sebanyak 5 lokaliti. Bagi negeri Kedah, Melaka, Terengganu, Sarawak, Sabah dan WP Labuan, tiada wabak Denggi dilaporkan. Situasi wabak Denggi di seluruh negara juga terkawal apabila tiada lokaliti *hot spots* dilaporkan sejak 3 minggu berturut-turut. Kerjasama dan keprihatinan masyarakat di dalam membersihkan kawasan persekitaran supaya bebas daripada pembiakan nyamuk Aedes dilihat telah memberikan satu impak yang positif dalam usaha menangani Demam Denggi.

Pihak KKM juga amat berharap ketua masyarakat dapat memainkan peranan yang lebih efektif dalam membentuk sikap positif penduduknya dalam menjaga kebersihan. Dalam usaha meningkatkan penglibatan dan tindakan masyarakat dalam aktiviti pencegahan demam denggi, pihak KKM telah menjalankan 773 aktiviti ceramah serta sebanyak 1,016,670 keping risalah telah diedarkan di seluruh negara. Hasilnya, sehingga 24 April 2011 sebanyak 820 (148%) aktiviti gotong-royong telah dicatatkan daripada sejumlah 552 aktiviti yang disasarkan di seluruh negara.

Usaha ini perlu dilaksanakan secara berterusan kerana nyamuk Aedes boleh membiak semula jika bekas-bekas pembiakan dibiarkan di persekitaran kawasan perumahan. Penduduk setempat juga perlu diingatkan supaya tidak membiarkan sekitar kawasan perumahan mereka menjadi tempat pembuangan sampah. Jika sikap sebegini masih berlaku, usaha murni penduduk untuk menjadikan kawasan perumahan mereka bebas Aedes tidak akan tercapai.

Bagi Penyakit Chikungunya, tiada kes dilaporkan untuk tempoh 17 hingga 23 April 2011. Jumlah terkumpul kes Chikungunya ialah 14 kes, penurunan sebanyak 97% berbanding dengan 536 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama pada tahun 2010 (Lampiran B).

DATO' DR HASAN ABDUL RAHMAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

25 April 2011

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 16/2011
(17 hingga 23 April 2011)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 16/2011	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 16/2010
		Minggu 16 (17 – 23 April 2011)	Minggu 15 (10 – 16 April 2011)		
1	Perlis	3	1	24	42
2	Kedah	10	7	157	194 (2)
3	P. Pinang	54	43	589 (1)	365 (2)
4	Perak	21 (1)	22	430 (1)	544 (1)
5	Selangor	168	180	2,409 (2)	7,440 (27)
6	WPKL & Putrajaya	34	47	514	1,777 (4)
7	N. Sembilan	13	13	222	677 (3)
8	Melaka	1	5	154	157 (2)
9	Johor	32	33	672 (4)	941 (3)
10	Pahang	11	11	363 (1)	400 (1)
11	Terengganu	8	8	305 (1)	320
12	Kelantan	15 (1)	8	249 (1)	365 (2)
13	Sarawak	15	12	366	1,797 (6)
14	Sabah	11	8	187	638 (1)
15	WP Labuan	0	0	5	8
	MALAYSIA	396 (2)	398	6,646 (11)	15,665 (54)

Nota: () Kematian

**KES CHIKUNGUNYA DILAPORKAN PADA MINGGU 16/2011
(17 hingga 23 April 2011)**

Bil	Negeri	Bilangan Kes		Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 16/2011	Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 16/2010
		Minggu 16 (17 – 23 April 2011)	Minggu 15 (10 – 16 April 2011)		
1	Perlis	0	0	0	0
2	Kedah	0	0	0	0
3	P. Pinang	0	0	0	3
4	Perak	0	0	2	3
5	Selangor	0	0	1	16
6	WPKL & Putrajaya	0	0	0	0
7	N. Sembilan	0	0	0	0
8	Melaka	0	0	1	0
9	Johor	0	0	0	1
10	Pahang	0	0	1	1
11	Terengganu	0	0	0	1
12	Kelantan	0	0	0	2
13	Sarawak	0	0	1	494
14	Sabah	0	0	8	8
15	WP Labuan	0	0	0	7
	MALAYSIA	0	0	14	536